

# Elaun sara hidup diteruskan



Muhammad Faiz menandatangani plak pada majlis tersebut.

*Bantuan kepada nelayan itu akan distruktur semula tahun hadapan*

ROHANA ISMAIL

TUMPAT

**P**emberian elaun sara hidup kepada nelayan akan diteruskan, namun akan distruktur semula tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Muhammad Faiz Fadzil berkata, insentif itu diteruskan walaupun ada

pengurangan jumlah peruntukan dalam Belanjawan 2019.

"Kita akan adakan penstrukturan semula insentif ini dengan peruntukan kewangan yang ada.

"Sebabnya peruntukan berkurangan sebanyak 60 peratus," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Interaksi Pengerusi LKIM Bersama Nelayan Negeri Kelantan di LKIM Geting, kelmarin.

Hadir sama, Pengarah LKIM Kelantan, Zarina Abd Latiff dan Pegawai Tugas-tugas Khas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Wan Mohd Johari Wan Omar.

Muhammad Faiz berkata,

dengan penstrukturan semula itu mungkin nelayan akan memperoleh nilai yang berkurangan tetapi pihaknya akan berbincang dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

"Kita rayu agar tingkatkan peruntukan itu kerana kerajaan tidak pernah meminggirkan nelayan," katanya.

Tambahnya, apa yang penting mencari jalan bagaimana mahu meningkatkan pendapatan nelayan dengan menggalakkan nelayan menciburkan diri dalam industri hiliran.

Sebelum itu, Muhammad Faiz mendengar aduan nelayan mengenai masalah jети uzur dan muara cetek.